

SOALAN LAZIM (FREQUENTLY ASKED QUESTIONS)

Dikemaskini pada 20 Januari 2020

1. Apakah maksud “SULAM”?

Perkataan “SULAM” merupakan singkatan daripada *Service Learning Malaysia*. SULAM merupakan satu pendekatan pembelajaran yang menggabungkan tiga komponen penting iaitu akademik, penglibatan komuniti dan pengalaman praktikal pelajar.

2. Bagaimanakah SULAM dilaksanakan?

SULAM dilaksanakan melalui kursus berkredit yang distrukturkan bagi melibatkan pelajar dengan aktiviti yang dapat memenuhi keperluan komuniti. Pada akhir aktiviti, pelajar melakukan refleksi terhadap pengalaman mereka dan menghubungkannya dengan hasil pembelajaran kursus.

3. Apakah ciri-ciri asas SULAM?

Berikut ialah ciri-ciri asas SULAM:-

- i) Sekurang-kurangnya satu hasil pembelajaran kursus dicapai melalui aktiviti yang melibatkan pelajar *bersama* komuniti.
- ii) Aktiviti dilaksanakan dalam satu tempoh yang *signifikan* iaitu sekurang-kurangnya 20 jam.
- iii) Aktiviti pelajar dengan komuniti diberikan penaksiran dan *gred*.

4. Apakah kursus SULAM wajib ditawarkan dalam program pengajian di UPM?

Pelaksanaan SULAM di institusi-institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia bertitik tolak daripada inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia yang menekankan fungsi universiti untuk masyarakat. Selaras dengan inisiatif ini, JPT memohon IPT untuk mengemukakan laporan dan pencapaian pelaksanaan SULAM secara tahunan bagi tujuan pemantauan. Lanjutan daripada itu, Mesyuarat Jawatankuasa Pengajaran dan Pembelajaran (JKPP), Universiti Putra Malaysia pada 18 Disember 2019, telah dimaklumkan mengenai penubuhan Jawatankuasa Kerja SULAM-UPM, dan Inisiatif SULAM-UPM tahun 2019 hingga 2020.

Selaras dengan inisiatif ini juga, program pengajian *wajib* menawarkan kursus SULAM melalui satu kursus wajib yang diikuti oleh semua pelajar dalam program pengajian. Adalah dirancangkan supaya pelaksanaan SULAM di UPM bermula pada Semester Kedua 2019/2020. Kursus yang melaksanakan SULAM tidak semestinya ditawarkan pada setiap semester.

- 5. Bagaimana sekiranya program pengajian sedia ada tidak menawarkan menawarkan kursus SULAM, sebaliknya menawarkan kursus bersifat “Pembelajaran Berasaskan Komuniti” atau *Community Based Learning*” (CBL) bagi memenuhi HIEPs ke-8?**

Dalam amalan sedia ada, kurikulum program pengajian di UPM telah pun menawarkan kursus bersifat “service/community based learning” (SL/CBL) sebagai memenuhi Amalan Pembelajaran Berimpak Tinggi (HIEPs) ke-8. Sekiranya program pengajian sedia ada belum lagi menawarkan kursus SULAM, maka Fakulti mempunyai dua pilihan. Pertama, mengubahsuai kaedah penyampaian dan penaksiran kursus CBL (yang sedia ditawarkan itu) supaya menepati kriteria SULAM. Atau kedua, mengubahsuai kaedah penyampaian dan penaksiran salah satu kursus Teras (yang difikirkan sesuai untuk dilaksanakan bersama-sama komuniti) supaya menepati kriteria SULAM. Sebagai contoh, jika sesebuah program pengajian sedia ada menawarkan kursus QKK2101 Bakti Siswa bagi memenuhi HIEPs ke-8, maka program pengajian tersebut mestilah memilih satu kursus Teras untuk dilaksanakan secara SULAM disamping meneruskan penawaran kursus QKK2101 Bakti Siswa.

- 6. Bolehkah SULAM melibatkan kursus yang ditawarkan pada semester awal pengajian?**

Secara prinsipnya, hasil pembelajaran dan penaksiran kursus SULAM harus mengukur sejauhmana pelajar dapat memanfaatkan/mengaplikasi pengetahuan/kemahiran dalam bidang pengajian masing-masing bagi memenuhi keperluan komuniti. Oleh itu, SULAM dilaksanakan melalui kursus teras, dan sebaik-baiknya ditawarkan kepada pelajar tahun 2 dan ke atas iaitu ketika kursus-kursus teras ditawarkan.

- 7. Perlukah SULAM ditawarkan melalui satu kursus yang khusus?**

Kursus SULAM boleh ditawarkan melalui SAMADA:- i) satu kursus yang khusus (disebut sebagai “*stand alone*”), ATAU: ii) kursus-kursus teras dalam program pengajian yang satu atau dua hasil pembelajaran kursus dicapai melalui aktiviti SULAM (disebut sebagai “*embedded*”).

- 8. Bolehkah kursus SULAM dilaksanakan dengan melibatkan beberapa disiplin (*interdisciplinary/ multidisciplinary/ transdisciplinary*)?**

Ya, kursus SULAM yang khusus (“*stand alone*”) boleh melibatkan lebih daripada satu disiplin dalam program pengajian. Misalnya, pelajar program kejuruteraan, seni bina dan bahasa melaksanakan aktiviti SULAM dengan satu komuniti yang menghadapi isu/permasalahan yang dapat diselesaikan melalui pengetahuan/kemahiran dalam tiga bidang tersebut.

- 9. Apakah kursus-kursus yang ditawarkan oleh Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar menepati kriteria SULAM?**

Tidak semua kursus yang ditawarkan oleh Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar menepati kriteria SULAM. Kursus QKK 2101 Bakti Siswa misalnya tidak menepati kriteria SULAM kerana tempoh pelaksanaan aktivitinya

yang tidak signifikan (iaitu kurang 20 jam), bersifat *episodic* atau *one off* dan lebih menjurus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Komuniti (*Community Based Learning*) iaitu pelajar melaksanakan aktiviti kesukarelawan untuk komuniti.

Akan tetapi, Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar ada menawarkan beberapa kursus yang boleh dipertimbangkan untuk melaksanakan SULAM. Antaranya, kursus QKU2203 Pembangunan Kesukarelawanan (2 kredit) yang dilaksanakan selama 2 semester. Dari segi pelaksanaan, kursus QKU2203 ini mengkehendaki pelajar untuk melaksanakan aktiviti dengan komuniti selama 24 jam. Fakulti boleh menawarkan kursus QKU2203 ini sebagai kursus teras dalam program pengajian tertentu, dengan hasil pembelajaran kursus ini difokuskan pada pengetahuan/kemahiran berkaitan program pengajian yang diikuti oleh pelajar.

10. Apakah isu yang biasa timbul dalam melaksanakan SULAM?

Pertindihan jadual waktu antara aktiviti SULAM dengan kursus-kursus lain. Bagi mengatasinya, Fakulti perlu merancang secara teliti pelaksanaan kursus SULAM dalam ses sebuah program pengajian supaya aktivitinya tidak bertindih dengan kursus-kursus lain, selain tidak membebankan pelajar.

11. Bagaimana komuniti dikenal pasti bagi pelaksanaan SULAM?

Komuniti dikenal pasti melalui keperluan mereka seperti isu/masalah yang dihadapi. Aktiviti SULAM perlu memberikan manfaat kepada kedua-dua pihak iaitu komuniti dan pelajar. Komuniti mendapat manfaat apabila aktiviti SULAM menyelesaikan isu/masalah yang sedang dihadapi oleh mereka (komuniti). Manakala, pelajar mendapat manfaat kerana berpeluang untuk mengaplikasi pengetahuan/kemahiran yang dipelajari dalam kehidupan sebenar.

12. Apakah pertimbangan yang boleh diambilkira dalam mengenal pasti komuniti untuk dilibatkan dalam aktiviti SULAM?

Pelajar dengan bimbingan pensyarah boleh memilih komuniti dengan memberikan pertimbangan kepada beberapa inisiatif/ bidang tumpuan yang telah dirangkakan oleh kerajaan seperti Dasar Komuniti Negara dan Dasar Pembangunan Luar Bandar.

Dalam konteks UPM sendiri, pemilihan komuniti untuk aktiviti SULAM boleh disejajarkan dengan kluster/program/inisiatif/panduan yang telah digariskan oleh beberapa pusat perkhidmatan. Misalnya, Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) telah menggariskan 7 kluster bagi program berkaitan khidmat komuniti. Turut dirangka oleh UCTC 15 program khidmat komuniti UPM. Selain itu, Pusat Hubungan dan Jaringan Industri (CiRNet) turut menyediakan panduan dalam menjalinkan hubungan dengan pihak industri yang mungkin diperlukan dalam pelaksanaan aktiviti SULAM.

13. Bagaimana jika isu/masalah yang dihadapi oleh komuniti tidak dapat diselesaikan melalui pelajar?

Pelajar kohort seterusnya boleh meneruskan aktiviti dengan komuniti yang sama sehingga masalah/isu yang dihadapi komuniti itu selesai. SULAM tidak seharusnya bersifat *one off* atau *episodic*.

14. Bagaimana maklumat berkaitan SULAM dapat diperolehi di UPM?

Pusat Pembangunan Akademik (CADe), UPM telah membangunkan pusat rujukan sehenti" (*one stop referral centre*) SULAM-UPM di platform Putra Learning Hub di bawah *Innovative Delivery Transformation* dan "PrIDe" (singkatan *Putra InnoCreative Delivery*). PrIDe mengumpulkan semua maklumat berkaitan pendekatan dan teknik penyampaian berinovasi termasuk SULAM-UPM. Selain itu, UPM juga telah menubuhkan Jawatankuasa SULAM-UPM yang dianggotai oleh wakil setiap Fakulti yang boleh dirujuk bagi maklumat lanjut berkaitan SULAM.

15. Bagaimana laporan pelaksanaan kursus SULAM dilaksanakan?

Pada setiap semester, maklumat berkaitan pelaksanaan SULAM dalam setiap program pengajian dilaporkan kepada Jawatankuasa SULAM-UPM. Maklumat-maklumat yang diperlukan antaranya seperti nama fakulti, program pengajian, nama dan kod kursus, nama projek, kaedah pelaksanaan SULAM, komuniti yang terlibat dan impak pelaksanaan aktiviti. Setelah disemak serta disahkan, maklumat berkaitan pelaksanaan SULAM di UPM akan disalurkan ke Bahagian Kecemerlangan Akademik, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia bagi penggumpulan data dan pemantauan di seluruh Institut Pengajian Tinggi Malaysia.

~~~~~ SEKIAN ~~~~~